



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
OFG Perlepasan Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8998 8000 Fax: +60 3 8998 1000  
Website: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **MCMC KELUARKAN 23 KOMPAUN BERJUMLAH RM1.01 JUTA KEPADA TELCO BAGI ISU PANGGILAN TERPUTUS DAN PENDAFTARAN PENGGUNA PRABAYAR**

**CYBERJAYA: 25 Mac 2015** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan 23 kompaun berjumlah RM1.01 juta kepada syarikat-syarikat telekomunikasi (*telco*) utama berhubung isu panggilan terputus (*dropped calls*) dan pendaftaran bagi pengguna prabayar.

Bagi isu **panggilan terputus**, jumlah kompaun yang dikenakan adalah seperti berikut: DiGi Telecommunications Sdn Bhd - RM180,000, Maxis Mobile Services Sdn Bhd - RM170,000, dan Celcom Axiata Berhad - RM130,000.

Bagi isu **pendaftaran pengguna prabayar**, jumlah kompaun yang dikenakan adalah seperti berikut: Celcom Axiata Berhad – RM200,000, Maxis Mobile Services Sdn Bhd – RM150,000, U Mobile Sdn Bhd – RM100,000, Tune Talk Sdn Bhd – RM70,000, dan XOX Com Sdn Bhd – RM10,000. MCMC sentiasa tegas dalam isu pendaftaran pengguna prabayar kerana terdapat insiden yang mana maklumat peribadi orang lain telah digunakan untuk melakukan kegiatan jenayah.

Selain daripada 23 kompaun yang dikeluarkan bagi isu panggilan terputus dan pendaftaran pengguna prabayar tersebut, MCMC turut mengeluarkan 2 kompaun kepada Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (Astro) dan Maestra Broadcast Sdn Bhd (Maestra) bagi kesalahan melanggar peruntukan di bawah Kod Kandungan dan syarat lesen.

Astro dikenakan kompaun berjumlah RM10,000 kerana melanggar **Peruntukan Kod Kandungan** Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Bahagian 3: Iklan di sub perenggan 5.1, 5.2 dan 8.1 serta Syarat Standard 6 Lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (Individu) CASP(I). Astro didapati telah menyiaran rancangan bual bicara mengenai produk kesihatan untuk penyakit-penyakit yang dilarang daripada diiklankan di bawah peruntukan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Maestra pula dikenakan kompaun berjumlah RM20,000 kerana melanggar **Syarat Khas Lesen** No. 10.2 CASP (i) dan **Seksyen 206 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998**. Radio Era FM yang beroperasi di bawah Maestra telah melakukan kesalahan dengan



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
OFG Perstarian Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

menyiarkan kandungan yang menyinggung perasaan umat Islam pada bulan Ramadhan tahun lepas.

MCMC sentiasa komited untuk terus menyelia kualiti perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia. Sepanjang tahun 2014, MCMC telah pun mengeluarkan sebanyak 70 kompaun berjumlah RM2.84 juta atas pelbagai kesalahan.

TAMAT

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1007    E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)